



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN
(UHMT1012-SEKSYEN 9)**

TUGASAN 8

PROPOSAL PERNIAGAAN

NAMA : LIM HUI YEE
NOMBOR MATRIK : A20BE0100
NOMBOR TELEFON : 013-6971991
TAHUN : 1SBEHH
NAMA PENSYARAH : DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

PROPOSAL PERNIAGAAN



ISI KANDUNGAN

03

PENGENALAN

05

LATAR BELAKANG
PERNIAGAAN

06

SENARAI SUBJEK YANG
DITAWARKAN

08

KELEBIHAN PUSAT TUISYEN
CERDAS

09

SENARAI KOS PERNIAGAAN

11

STRATEGI PEMASARAN

12

RUMUSAN

PENGENALAN

Pada zaman sekarang, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting untuk seseorang itu mencapai hidup yang berkualiti dan meningkatkan kemahiran manusia dalam pelbagai bidang. Kualiti hidup merangkumi lapan prinsip utama iaitu kesejahteraan emosi, hubungan interpersonal, kesejahteraan perkakasan, perkembangan personal, kesejahteraan fizikal, pembuatan keputusan, hubungan sosial, dan hak dan prinsip-prinsip berikut adalah berkaitan dengan pendidikan. Pelaburan dalam pendidikan boleh bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi di mana ia menyediakan individu sebagai tenaga kerja. Kebanyakan ibu bapa sangat mengharapkan bahawa anak-anak mereka dapat mencapai kecemerlangan akademik supaya menjamin masa depan anak-anak. Dengan ini, terdapat banyak ibu bapa yang membuat keputusan untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen untuk membantu meningkatkan prestasi akademik anak-anak.

Pusat Tuisyen Cerdas akan ditubuhkan dan bermula beroperasi pada 1 Januari 2021. Pusat Tuisyen Cerdas bertempat di No. 7A, Jalan Sri Intan 3, Taman Sri Intan, 81300 Johor Bahru, Johor. Lokasi tersebut dipilih kerana terletak di kawasan bandar dan terdapat banyak sekolah menengah yang berdekatan dengan lokasi ini di mana dapat membekalkan pasaran pelanggan.

Pusat Tuisyen Cerdas ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan pendidikan melalui kelas bimbingan secara berpusat kepada para pelajar selain menghadiri kelas harian biasa di sekolah masing-masing. Pusat Tuisyen Cerdas juga bertujuan untuk membantu meningkatkan pencapaian dan prestasi akademik pelajar-pelajar dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PT3 dan SPM serta melahirkan golongan pelajar yang berilmu, bersikap positif dan yakin terhadap kebolehan diri sendiri.

Pusat Tuisyen Cerdas menyediakan tuisyen kepada para pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, iaitu fokus kepada pelajar sekolah menengah. Subjek tuisyen yang ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 (PT3) merangkumi Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Bagi pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 (SPM), subjek tuisyen yang ditawarkan ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik Tambahan, Kimia, Biologi dan Ekonomi Asas.

Proposal perniagaan ini disediakan untuk merangka sebuah perniagaan yang hendak diwujudkan dan juga menjadi panduan dalam menjalankan perniagaan tuisyen agar perniagaan ini dapat dijalankan dengan berkesan dan mampu bersaing dengan perniagaan serupa yang lain. Mengikut matlamat pembangunan mampan (sustainable development goals), perniagaan ini adalah bermatlamatkan pendidikan berkualiti, iaitu menjamin pendidikan menyeluruh, ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.



LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan : Pusat Tuisyen Cerdas
Alamat Perniagaan : No. 7A, Jalan Sri Intan 3, Taman Sri Intan,
81300 Johor Bahru, Johor.
Nombor Telefon : 07-4339223
Bentuk Perniagaan : Perkongsian
Kegiatan Utama : Pusat Tuisyen
Tarikh Memulakan Perniagaan : Akan dimulakan pada 1 Januari 2 021
Nombor Pendaftaran Perniagaan : 826350
Modal Permulaan : RM 36 000
Nama Bank : MayBank
Nombor Akaun Bank : 522840157278




SENARAI SUBJEK YANG DITAWARKAN

PT3

Kelas	Mata Pelajaran	Yuran Bulanan	Yuran Bulanan Pakej
Tingkatan 1	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains	RM40 (Setiap Subjek)	Mana-mana 3 subjek- RM115 Semua subjek- RM150
Tingkatan 2	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains	RM40 (Setiap Subjek)	Mana-mana 3 subjek- RM115 Semua subjek- RM150
Tingkatan 3	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Matematik Sains	RM45 (Setiap Subjek)	Mana-mana 3 subjek- RM130 Semua subjek- RM170
Bayaran Bahan		RM70 setahun	
Yuran Pendaftaran		RM15 setahun	






SPM

Kelas	Mata Pelajaran	Yuran Bulanan	Yuran Bulanan Pakej
Tingkatan 4	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Sejarah Kimia Biologi Matematik Tambahan Ekonomi Asas	RM50 (Setiap Subjek)	Mana-mana 4 subjek- RM195 Mana-mana 5 subjek- RM240 Mana-mana 6 subjek- RM280
Tingkatan 5	Bahasa Malaysia Bahasa Inggeris Sejarah Kimia Biologi Matematik Tambahan Ekonomi Asas	RM50 (Setiap Subjek)	Mana-mana 4 subjek- RM195 Mana-mana 5 subjek- RM240 Mana-mana 6 subjek- RM280
Bayaran Bahan		RM80 setahun	
Yuran Pendaftaran		RM25 setahun	

KELEBIHAN PUSAT TUISYEN CERDAS



SENARAI KOS PERNIAGAAN

Senarai Perbelanjaan Pekerja

Perkara	Bilangan Pekerja	Perbelanjaan Bulanan
Gaji Kerani	2	RM1300 x 2 = RM2600
Gaji Guru Tuisyen	10	RM2000 x 10 = RM20 000
Jumlah Perbelanjaan Bulanan		RM22600

Senarai Perbelanjaan Keperluan Pejabat

Perkara	Bilangan	Harga
Deposit Sewa Bulanan	-	RM2000
Deposit Elektrik dan Air	-	RM1600
Komputer	1	RM1700
Karpet	4	RM50 x 4 = RM200
Meja Belajar	100	RM140 x 100 = RM14 000
Kerusi Belajar	200	RM 15 x 100 = RM1500
Meja Pendaftaran	1	RM250
Kerusi Pendaftaran	2	RM100 x 2 = RM200
Alat Tulis (Pen Marker, Pemadam, Kertas A4)	-	RM250
Papan Putih	5	RM220 x 5 = RM1100

Perkara	Bilangan	Harga
Telefon Pejabat	1	RM300
Printer Pejabat	2	RM250 x 2 = RM500
Penyaman Udara	6	RM 1100 x 6 = RM6600
Langsir	5	RM40 x 5 = RM200
Buku Resit	5	RM10 x 5 = RM50
Almari Buku	1	RM200
Jumlah Perbelanjaan		RM30650



STRATEGI PEMASARAN

1) Menyediakan freemium kepada pelajar baharu

Menawarkan perkhidmatan tuisyen secara percuma kepada pelajar baharu dalam tempoh masa tertentu seperti menawarkan kelas percuma selama 2 jam sebulan, menawarkan modul-modul pembelajaran percuma dan mengecualikan yuran pendaftaran pada tahun pertama bagi pelajar baharu.

2) Menggunakan banner kedai yang menarik

Menyediakan banner yang mempunyai reka bentuk yang menarik dan mudah difahami dan membekalkan maklumat-maklumat penting seperti perkhidmatan yang ditawarkan, nama, nombor telefon dan alamat berserta dengan ayat menarik seperti “ Mahukah anak-anak belajar dalam keadaan yang berkualiti dan selesa?”

3) Menawarkan insentif diskaun yuran tuisyen kepada pelajar yang cemerlang

Menyediakan tawaran diskaun kepada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Contohnya, menawarkan diskaun yuran tuisyen sebanyak 15% selama 1 bulan kepada 5 orang pelajar yang mendapati keputusan paling cemerlang bagi setiap kelas tuisyen dari Tingkatan 1 hingga 5.

4) Mengiklankan perkhidmatan yang ditawarkan

Menjalankan pengiklanan perkhidmatan tuisyen melalui cetakan kertas iklan yang membekalkan maklumat yang lengkap dan senang difahami. Pengiklanan melalui media sosial seperti Facebook, Intagram, dan Whatsapp juga diperlukan kerana media sosial semakin menjadi platform yang penting kepada publik untuk memperoleh maklumat.

RUMUSAN

Berdasarkan kepada proposal perniagaan yang menunjukkan maklumat seperti perkhidmatan perniagaan yang disediakan dan anggaran perbelanjaan yang dibentangkan, suatu gambaran yang jelas tentang penyediaan dan keperluan untuk menjalankan perniagaan ini dapat ditunjukkan. Analisis tentang kelebihan perniagaan dan strategi pemasaran yang boleh dilakukan oleh Pusat Tuisyen Cerdas dapat membantu meningkatkan kemampuan perniagaan tersebut untuk bersaing dengan pusat tuisyen lain yang berhampiran. Diharapkan Pusat Tuisyen Cerdas akan berdaya saing dan berkembang pada masa hadapan melalui proposal perniagaan ini yang membekalkan maklumat berkenaan yang penting.